



Penerima rumah melihat kerja-kerja pembinaan rumah milik salah seorang daripada mangsa banjir di Kampung Berlian.

< 1 / 1 >

TUMPAT – Pembinaan lapan rumah mangsa bah kuning sumbangan Tesco Store (Malaysia) Sdn Bhd di Kampung Berlian dan Kampung Laut, di sini, dijangka siap dalam masa enam minggu.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesco, Datuk Georg Fisher memberi jaminan rumah bernilai RM55,000 setiap satu itu akan siap sepenuhnya pada Julai nanti.

Menurutnya, penyiapan rumah-rumah berkenaan akan memberi sinar baharu kepada mangsa banjir kerana rumah berkeluasan 68.7 meter persegi dan mempunyai tiga bilik tidur dengan dua bilik mandi itu turut dilengkapi perabot.

"Reka bentuk rumah adalah ilham daripada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan menggunakan bahan asas mesra alam serta boleh dipindahkan ke tempat lain.

"Kos pembinaan dan kelengkapan rumah menggunakan sumbangan tunai yang dikumpulkan melalui 52 pasar raya Tesco (seluruh Malaysia), sumbangan pembekal, rakan niaga dan dana Tesco Malaysia serta Tesco PLC United Kingdom," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis Pembinaan Rumah Mangsa Banjir Bersama Kakitangan Pengurusan Tesco di Kampung Bellan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Perhubungan Kerajaan dan Korporat Tesco Malaysia, Datuk Azlam Shah Alias, Timbalan Ketua Polis Negeri, Datuk Rosli Abdul Rahman dan Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendan Zaharudin Rasip.

Sementara itu, salah seorang penerima rumah yang ditemui, Robiah Awang Sulaiman, 49, berterima kasih kepada pihak Tesco Malaysia kerana merealisasikan impiannya untuk memiliki rumah sendiri selepas rumah lamanya rosak dilanda banjir luar biasa.

"Tanpa bantuan ini kami mungkin tidak mampu memiliki rumah baharu kerana suami tidak dapat bekerja selepas diserang strok tiga tahun lepas," katanya.